

09 JUN 2003

Mahathir-Kepimpinan/I

PEMIMPIN HARUS BERSEDIA AMBIL RISIKO - DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 9 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata bahawa kepimpinan yang baik memerlukan kesediaan untuk melakukan sesuatu yang luar biasa dan bukan konvensyenal ke arah mencapai kejayaan.

"Kepimpinan bagi saya bermaksud melakukan sesuatu yang luar biasa, sesuatu yang berlainan. Kadang-kala mungkin tersungkur tetapi kita perlu berusaha untuk kembali bertapak," katanya pada Forum Asia Inc. yang memberi tumpuan kepada kepimpinan di Asia Tenggara, di sini.

Beliau berkata rakyat juga perlu bersedia untuk menyoal semua perkara yang dilakukan kepimpinan itu.

Sambil membangkitkan tentang kejayaan Malaysia menangani krisis kewangan 1997/98, Dr Mahathir berkata negara ini sebenarnya hanya mengkaji keadaan semasa krisis itu dan merangka satu hala tuju baru yang harus diikutinya dalam mengatasi kesukaran yang dihadapi ketika itu.

Perdana Menteri, yang merancang bersara pada Oktober ini, berkata jika seseorang pemimpin mengikut hala tuju yang sama seperti orang lain, oleh itu beliau hanyalah seorang pengikut dan tidak banyak yang boleh diperkatakan mengenai kepimpinan itu.

Dr Mahathir juga berkata sudah tiba masanya bagi Asia Tenggara untuk memikirkan tentang dirinya termasuk dengan "tidak melakukan apa yang diharapkan daripada anda".

Pada sesi dialog kemudian, Perdana Menteri menjawab soalan-soalan mengenai pelbagai isu termasuk kualiti kepimpinan, buruk dan baik demokrasi serta cara Amerika Syarikat dalam memerangi keganasan.

Dr Mahathir berkata satu daripada keputusan paling sukar yang terpaksa beliau ambil adalah membabitkan langkah-langkah untuk menghentikan para pedagang mata wang daripada terus membawa kemusnahan kepada negara ini.

Menurutnya formula yang diguna pakai kerajaan dalam menangani masalah itu dihasilkan selepas satu kajian menyeluruh dan teliti mengenai perdagangan mata wang dijalankan.

Mengenai keganasan, Dr Mahathir berkata langkah-langkah yang diambil bagi memerangi keganasan sekarang adalah salah semuanya.

Beliau mengulangi bahawa perlunya menangani punca kemarahan dan kebencian masyarakat Islam di kebanyakan negara sekarang sehingga menyebabkan mereka melakukan perbuatan-perbuatan ganas.

"Kaji apa sebenarnya yang membelenggui mereka. Satu daripada kemarahan mereka ialah keadaan di Palestin yang rakyatnya dipaksa keluar dari tanah air mereka dan hidup sebagai pelaraian," katanya kepada para hadirin yang terdiri daripada para pemimpin tertinggi perniagaan dan kerajaan dari rantau ini serta dari Amerika Syarikat dan Australia.

Mengenai apa yang dikatakan perubahan regim di Iraq yang kononnya bagi mewujudkan demokrasi berikutan pencerobohan tentera bersekutu diketuai AS di negara itu, Dr Mahathir berkata kerajaan-kerajaan sekarang "amat bimbang" dengan prospek perubahan sedemikian di negara mereka sendiri.

"Anda boleh mencerobohi sesebuah negara tetapi anda tidak boleh menghalang rakyatnya yang marah daripada melakukan serangan-serangan (keganasan)," kata beliau.

Dr Mahathir berkata masalah dengan Asia Tenggara dan kebanyakan negara sedang membangun lain ialah demokrasi merupakan satu sistem yang agak baru bagi mereka berbanding dengan negara-negara Barat.

"Bagaimanapun, sekarang mereka beritahu kita bahawa kita mesti mewujudkan demokrasi secepat mungkin, kalau tidak mereka akan datang dan

laksanakan perubahan regim," katanya.

Forum itu, yang berakhir esok, membincangkan mengenai isu-isu yang menjejaskan rantau ini serta implikasinya ke atas perniagaan yang masyarakat.

Asia Inc Forum ialah sebahagian daripada kumpulan syarikat The Edge Asia Inc yang turut menerbitkan majalah serantau, Asia Inc dan The Edge Singapore.

-- BERNAMA
MAM MAM NAK